

LEarning To Support Play

Kajian Penyelidikan LET'S Play



Daftar minat anda di sini: https://nus.syd1.qualtrics.com/jfe/form/SV_eQcqA4meNrC58cS

Apa itu LET'S Play?

LET'S Play merupakan kajian penyelidikan yang melibatkan sebuah program percuma yang mempunyai 4-6 sesi dan ia dibentukkan untuk membantu penjaga datuk nenek memerhatikan, memahami dan memberikan respons kepada cucu mereka yang masih kecil. Ia terdiri daripada sesi-sesi bimbingan, di mana pembimbing akan memanfaatkan kepakaran penjagaan yang sedia ada dalam datuk nenek dan hubungan unik mereka dengan cucu mereka untuk menyerlahkan amalan penjagaan datuk nenek yang baik dan memberikan cadangan di mana datuk dan nenek boleh menjadi lebih responsif apabila berinteraksi dengan cucu mereka semasa bermain.

Apakah yang diharapkan oleh CHILD, NUS?

Kami berharap untuk meneroka sama ada LET'S Play dapat meningkatkan sifat responsif dan sensitif dalam penjagaan datuk nenek semasa bermain. Kami juga berminat untuk mengetahui pengalaman datuk nenek dan ibu bapa dalam program LET'S Play ini dan bagaimana ia sesuai dengan kehidupan seharian mereka.

Bagaimanakah saya boleh membantu?

Pasukan kami sedang mencari datuk dan nenek yang:

- Menjaga sekurang-kurangnya seorang cucu yang berumur 4 bulan hingga 48 bulan sekurang-kurangnya 2 hari seminggu, 3 jam sehari
- Berumur 50 tahun ke atas
- Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap Singapura
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris, Mandarin atau Melayu
- Bersedia untuk mengambil bahagian dalam rakaman video ringkas (lebih kurang 10 minit) di mana mereka bermain dengan cucu mereka
- Boleh memberi komitmen sekurang-kurangnya 7 jam dalam tempoh 3 bulan (2 sesi penyelidikan dan program LET'S Play)

Dengan ibu bapa/penjaga sah kanak-kanak berumur 4 – 48 bulan yang:

- Berumur 21 tahun ke atas
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris, Mandarin atau Melayu
- Memberi izin untuk rakaman video ringkas (lebih kurang 10 minit) di mana anak mereka bermain dengan datuk nenek mereka

Apa yang perlu dilakukan?

Untuk datuk dan nenek:

- Hadir **dua sesi penyelidikan**, di mana anda akan mengisi soal selidik ringkas yang berkaitan dengan keyakinan, keupayaan dan kemahiran anda dalam penjagaan dan permainan, serta mengambil bahagian dalam rakaman video 10 minit di mana anda berinteraksi dengan cucu anda (dirakam oleh penyelidik NUS-CHILD) untuk setiap sesi.
- Hadir **empat sesi bimbingan** di tempat pilihan anda (rumah, pusat, dalam talian) untuk menyemak rakaman video itu dan mengenal pasti cara-cara untuk memahami dan memberikan respons kepada cucu anda dengan lebih baik.
- Dijemput untuk menghadiri perbincangan kumpulan fokus secara sukarela untuk berkongsi pengalaman dan maklum balas anda selepas tamat program ini. Jika anda bersetuju untuk menghadiri perbincangan kumpulan fokus ini, ia bermaksud bahawa anda bersetuju untuk dirakam audio semasa sesi ini berlangsung.

Cucu anda akan:

- Menghadiri **dua sesi penyelidikan** di mana seorang penyelidik akan merakamkan video selama 10 minit yang memaparkan interaksi cucu anda dengan anda.

Penjaga sah cucu anda (contoh, ibu bapa):

- Menghadiri **dua sesi penyelidikan**, di mana mereka akan mengisi soal selidik ringkas berkaitan dengan perkembangan sosial dan emosi cucu anda (boleh dilakukan dalam talian).
- Dijemput untuk menghadiri sesi pengenalan secara sukarela untuk mengetahui tentang program ini dengan lebih lanjut.
- Dijemput untuk menghadiri perbincangan kumpulan fokus secara sukarela untuk berkongsi pengalaman dan maklum balas mereka selepas tamat program. Jika mereka bersetuju untuk menghadiri perbincangan kumpulan fokus ini, ia bermaksud mereka bersetuju untuk dirakam audio semasa sesi berlangsung.

Anda juga akan menerima beberapa bahan pendidikan dan permainan percuma apabila anda menyertai program ini. Tiada kos tambahan yang berkaitan dengan penyertaan anda dalam projek ini. Cenderahati akan diberikan untuk masa dan usaha anda.

Untuk mengetahui lebih lanjut, hubungi pegawai projek Natalie Koh di (+65) 8915 8466, lets.play@nus.edu.sg, atau isi borang di atas.

Informasi Tambahan

Apakah maksud sikap sensitif dan responsif dalam penjagaan, dan mengapakah ia penting?

Seorang penjaga (datuk nenek) yang sensitif dan responsif memahami isyarat kanak-kanak dan memberikan respons yang sewajarnya secara konsisten kepada mereka. Penjaga yang sensitif memahami apa yang diperlukan oleh kanak-kanak kecil melalui raut wajah, pergerakan, bunyian dan perkataan mereka. Penjaga itu kemudian memberikan respons secara konsisten kepada kanak-kanak itu dengan cara-cara yang membantu, memupuk dan selaras dengan niat kanak-kanak itu.

Kanak-kanak di bawah penjagaan yang sensitif dan responsif lebih berkemungkinan untuk menunjukkan kesan yang positif dalam beberapa unsur perkembangan seperti kemahiran sosial, bahasa, emosi dan perkembangan otak. Contohnya, membantu anak kecil yang sedang mencuba untuk mencapai mainan boleh menyokong penerokaannya, dan merangsangkan sifat keyakinan dan ingin tahu tentang dunia dalam anak kecil tersebut.

Mengapakah melalui permainan?

Kajian telah menunjukkan bahawa permainan yang berkualiti bersama penjaga yang responsif dikaitkan dengan pengurangan masalah dalam tingkah laku pada kanak-kanak (contoh, sifat agresif, sifat menentang, sifat menarik diri, kebimbangan). Interaksi secara suka bergurau dengan penjaga juga dikaitkan dengan kanak-kanak yang boleh mengurus emosi mereka dengan baik dan mempunyai kemahiran sosial dan kemahiran komunikasi yang lebih baik, dan lebih kemampuan untuk bersifat empati ketika meningkat waktu remaja.